

# 'Kita mampu lebih gemilang'

BH- 6/4/2007

## Rakyat perlu miliki pemikiran asli, perspektif jelas, daya analisis secara objektif

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

**I**POH: Malaysia akan mencapai kejayaan lebih gemilang untuk tempoh 50 tahun akan datang jika berpegang kepada dua perkara, iaitu membina pemikiran ingin tahu dan mengekalkan kestabilan politik, titah Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah.

Baginda bertitah, bagi membolehkan masyarakat dan negara melonjak maju, warga Malaysia perlu memiliki keaslian pemikiran, perspektif yang jelas, berfikir terbuka dan memiliki daya analisis secara objektif.

"Negara perlu membangunkan pemikiran ingin tahu di kalangan pelajar, dengan meningkatkan perasaan sentiasa ghairah untuk bertanya dan menyelidik.

"Pembaharuan akan berlaku jika budaya bertanya dapat dipupuk, pemikiran baru dapat disuburkan, budaya imaginatif di luar pemikiran konvensional dapat digalakkan serta budaya memperkenalkan pendekatan baru dapat diterima.

"Negara tidak memerlukan pelajar yang dapat memberi jawapan tepat dalam kertas peperiksaan, tetapi lebih memerlukan warganya yang dapat bertindak bijak ketika berhadapan situasi mencabar, yang jawapannya tidak terkandung di dalam buku dan kurikulum peperiksaan," titah baginda pada Majlis Anugerah Ce-

merlang Ke-50 Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Ave Maria Convent di sini, semalam.

Pada majlis itu, Raja Nazrin turut menyampaikan sumbangan peribadi RM100,000 untuk sekolah berkenaan.

Raja Nazrin bertitah, kekuatan Malaysia sejak 50 tahun merdeka bertapak atas asas kestabilan politiknya.

"Kestabilan politik dalam negara yang rakyat berbilang kaum dipengaruhi persefahaman dan kerjasama yang terjalin antara kaum. Oleh itu, amat penting anak di sekolah dibimbing, bukan sekadar untuk mengenali, malah berinteraksi secara aktif dengan rakan pelbagai kaum, latar belakang budaya dan agama.

"Persefahaman antara kaum ini jika terus dipupuk akan menjadi pengaruh besar dalam membina masa hadapan Malaysia yang lebih bersatu dan gemilang," titah baginda.

Raja Nazrin bertitah, kegemilangan Malaysia untuk tempoh 50 tahun akan datang amat bergantung pada kebijaksanaan dan komitmen generasi muda yang kini berada pada alam persekolahan.

Sehubungan itu, Raja Nazrin bertitah, adalah menjadi tanggungjawab setiap warga dan institusi di negara ini mengamalkan sikap terbuka, mengelak sebarang prasangka, menolak suara ekstremisme sama ada atas nama kaum atau agama.



**TERUSKAN KECEMERLANGAN:** Raja Dr Nazrin menyampaikan anugerah pelajar cemerlang SPM 2006, Chee Shew Fei, dari SMJK Ave Maria Convent, di Ipoh, semalam.